

PERANAN NILAI DENGAN PERLAKUAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

oleh

Prof. Madya Dr. Bhasah Hj. Abu Bakar
Akma Hj. Abd. Hamid
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK:

Kajian ini bertujuan untuk melihat secara ringkas hubungan diantara nilai dengan perlakuan yang wujud dalam diri pelajar-pelajar sekolah menengah. Di samping itu, ia juga bertujuan melihat peranan nilai dari aspek jantina, status sosioekonomi dan personaliti pelajar itu sendiri. Nilai dipecahkan lagi kepada lapan dimensi yang terdiri dari dimensi intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan dan kesannya terhadap perlakuan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang pelajar Tingkatan dua yang dipilih berdasarkan perlakuan mereka yang direkod oleh pihak sekolah. Hasil kajian awal menunjukkan penggantungan nilai dengan perlakuan wujud disamping personaliti ekstrovert-introvert mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai dan dua dimensi nilai agama dan moral. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang mempunyai personaliti ekstrovert-introvert, berdisiplin dan tidak berdisiplin dengan nilai.

Pengenalan

Sejak akhir-akhir ini masalah kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar sekolah menengah sering menjadi topik perbualan masyarakat. Masalah tingkah laku tidak *senonoh* yang dipamerkan membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa dan warga pendidik. Selaras dengan hasrat kementerian pelajaran untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, maka pendidikan nilai yang berpandukan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dibentuk dengan memberi penekanan kepada amalan nilai yang baik. Amalan nilai ini merupakan pengukuhan kepada amalan dan penghayatan nilai supaya tabiat dan tingkah laku yang telah disemai dapat terus dipupuk dan dihayati sepenuhnya. Langkah ini juga diharapkan dapat memenuhi aspek rohani dan emosi bagi membantu ke arah melahirkan individu berperibadi mulia. Aspek nilai yang menekankan kepada nilai-nilai murni merupakan tanggapan bagi menentukan perkara-perkara yang baik, luhur dan mulia. Jika sesuatu nilai memberi kesan positif bagi individu atau masyarakat, nilai tersebut dianggap sebagai *nilai murni* sebaliknya jika nilai itu memberi kesan negatif dan masalah ianya dianggap sebagai *nilai kurang baik* atau *buruk*. Nilai murni juga dapat dijadikan panduan dan pedoman bagi membolehkan individu, keluarga dan masyarakat mewujudkan kehidupan yang baik, adil dan sejahtera. Rescher (1969) berpendapat bahawa nilai dan kehidupan manusia sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana manusia sebagai insan yang rasional dan aktif berfikir sering membuat pertimbangan. Nilai adalah sesuatu dalam pertimbangan semasa membuat analisis akhir mengenai visi manusia dalam mencapai kehidupan sejahtera. Nilai dimanifestasikan secara konkrit dan objektif pada cara dan gaya bertingkah laku, bertutur, cara membuat pemilihan dan penggunaan masa dan daya usaha, dengan kata lain nilai menjadi tenaga pendorong bagi manusia untuk melakukan sesuatu.

Melihat kepada tiga komponen ini, organisasi sekolah merupakan tampuk utama untuk melahirkan pelajar yang sedemikian. Musgrave (1978) menyatakan, organisasi sekolah perlu memberi penekanan kepada elemen-elemen moral yang berkaitan dengan disiplin dan tanggungjawab nilai-nilai murni, aspek-aspek tingkah laku, amalan dan tindakan. Menurut Musgrave lagi, agenda penting pendidikan dalam sesebuah negara termasuklah membangunkan aspek-aspek moral individu dan masyarakat. Perubahan kurikulum pendidikan moral juga berlaku selaras dengan perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Kepentingan menguatkan elemen-elemen moral dalam segala aspek kurikulum sekolah juga menjadi satu agenda dalam menentukan corak pembangunan masyarakat dan negara. Oleh kerana itu untuk melahirkan pelajar yang bijak dan mempunyai pencapaian yang tinggi dalam akademik bukanlah sesuatu yang sukar tetapi untuk melahirkan pelajar yang memenuhi pakej pendidikan itulah yang agak sukar kerana ianya memerlukan kerjasama dan daya usaha daripada semua pihak sama ada ibu bapa, guru mahupun masyarakat.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan peranan nilai dalam diri pelajar sekolah menengah di tingkatan 2 di kawasan Kemaman, Kuala Terengganu. Lantaran itu beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk menentukan arah kajian ini perlu dibuat.

Soalan Kajian

1. Apakah bentuk hubungan antara nilai dan dimensi nilai dengan personaliti pelajar ?
2. Adakah terdapat perbezaan antara personaliti dengan nilai dan dimensi nilai pada diri pelajar ?
3. Adakah terdapat perbezaan antara pelajar berdisiplin dengan pelajar tidak berdisiplin dengan nilai dan dimensi nilai ?
4. Adakah wujud perbezaan nilai dan dimensi nilai dengan jantina pelajar ?
5. Adakah wujud perbezaan antara nilai dan dimensi nilai pelajar dengan SES pelajar ?

Konsep Nilai

Nilai merujuk kepada kepentingan, faedah, mutu tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat serta berlaku di dalam alam semesta ini. Nilai adalah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat manusia. Hasil daripada pertimbangan pemikiran dan emosi, maka manusia meletakkan sesuatu nilai kepada segala apa yang dialaminya. Selain itu manusia juga memberikan darjah-darjah nilai yang berbeza-beza kepada sesuatu perkara yang dipertimbangkannya. Oleh yang demikian, manusia menetapkan nilai 'baik atau bagus' kepada perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan kesejahteraan. Nilai yang 'buruk atau jahat' diberikan kepada perkara yang mendatangkan kemudaratan dan yang mengganggu kesejahteraan hidup (Sufean, 1995).

Di Malaysia, aspek nilai tidak hanya tertakluk kepada satu kelompok pelajar atau masyarakat sahaja tetapi keseluruhan pelajar dan masyarakat tanpa mengira kaum menerima pendidikan nilai. Bagi pelajar pula pendidikan nilai diterima melalui pengajaran yang diajar oleh guru dalam mata pelajaran Moral, Pendidikan Islam dan pelajaran-pelajaran lain secara tidak langsung. Terdapat 12 nilai utama yang ditekankan di peringkat sekolah rendah dan 16 nilai di peringkat sekolah menengah. Walaupun terdapat nilai yang sama di peringkat rendah dan menengah tetapi skop dan penekanan isi pelajaran berbeza bagi setiap tingkatan kerana situasi

dan isu moral yang dikemukakan semakin kompleks dan mencabar. Antara nilai-nilai murni yang diterapkan di peringkat KBSR dan KBSM iaitu berpandukan nilai-nilai murni dalam kurikulum sekolah, jelas menunjukkan bahawa ianya sangat menitikberatkan perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu dan hubungannya sesama manusia, alam sekitar dan tuhan. Nilai murni dianggap tertumpu kepada ciri-ciri kerohanian, ketuhanan dan moral yang membawa kepada ketentaraman emosi dan jiwa seseorang insan. Namun begitu di dalam kajian ini pengkaji merujuk kajian Sufean (1995) yang mengkategorikan nilai kepada lapan subnilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.

TINGKAH LAKU

Tingkah laku dalam kertas kerja ini merujuk kepada perlakuan atau sikap pelajar terhadap disiplin atau peraturan di sekolah. Masalah pelajar dirujuk kepada badan disiplin sekolah. Disiplin pula berpandukan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Segala tingkahlaku yang bertentangan dengan prinsip-prinsip disiplin yang ditetapkan dianggap melanggar disiplin. Dalam mengelaskan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin, pelajar yang bertingkahlaku mengikut norma-norma yang ditetapkan adalah pelajar yang berdisiplin, manakala mereka yang bertindak di luar daripada norma contoh ponteng, merokok, melanggar etika berpakaian, bergaduh, merosakkan harta benda sekolah dianggap pelajar tidak berdisiplin. Pekeliling Iktisas Bil. 9/1975, menyenaraikan 17 jenis perlakuan yang melanggar disiplin di sekolah yang mesti diberi perhatian rapi oleh pihak sekolah. Pengelasan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin adalah berpandukan kepada rekod profil guru disiplin dan guru-guru yang mengajar pelajar tersebut

TINJAUAN LITERATUR

Kebanyakan kajian yang dijalankan berhubung dengan nilai adalah berfokuskan kepada moral yang terdapat di dalam nilai. Namun begitu, di dalam kajian ini pengkaji melihat kepada aspek nilai dan moral peringkat awal perkembangan hingga remaja, bersesuaian dengan subjek kajian 14 tahun. Melihat kepada nilai individualistik dan kemasyarakatan Asmah Bee dan Iran Herman (1989) telah menjalankan kajian bagi membandingkan sistem nilai antara pelajar Amerika (USA) dan pelajar Malaysia dengan menggunakan instrumen *Rokeach Value Survey*. Perbandingan dibuat berasaskan kepada 20 orang pelajar USA dan 40 orang pelajar Malaysia yang menuntut di sebuah Universiti di Wisconsin, Amerika Syarikat. Hasil kajian mereka mendapati pelajar remaja Amerika lebih berpegang kepada sistem dan orientasi nilai individualistik, manakala pelajar remaja Malaysia banyak mementingkan nilai kemasyarakatan. Di samping itu kajian ini juga mendapati wujud perbezaan signifikan nilai terminal antara pelajar baru dan lama. Sebahagian dari pelajar lama di dapati terpengaruh dengan nilai dan orientasi budaya Amerika. Selain daripada nilai yang dilihat secara total membentuk sikap pelajar secara individualistik dan kemasyarakatan, aspek moral yang terdapat di dalam nilai juga perlu dilihat. Pemikiran moral kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh model-model sosial seperti ibu bapa, rakan sebaya dan guru. Malahan kanak-kanak yang berumur 3 tahun, iaitu dalam peringkat Pramoral Piaget boleh dilatih untuk berfikir pada tahap Relativisme Moral (Schleifer dan Douglas, 1973). Leon (1984) memperkukuhkan hakikat ini apabila beliau mendapati kanak-kanak yang berumur 6 hingga 7 tahun mempunyai corak pemikiran moral yang berkait rapat dengan cara didikan yang mereka terima dalam keluarga.

Chuah (1989), menunjukkan bahawa murid dari status sosio-ekonomi tinggi kebanyakannya didapati berada di peringkat perkembangan moral yang tinggi, iaitu peringkat 2 berbanding dengan murid yang berasal dari status sosio-ekonomi rendah yang berada di peringkat 1. Subjek kajian beliau terdiri daripada 347 murid Tahun Enam, Pulau Pinang. Kajian Kerckhoff

(1972) mendapati remaja dari keluarga kelas sosial tinggi dan sederhana dipupuk dengan nilai berjaya dalam hidup bermula dari berjaya di alam persekolahan dan seterusnya dalam bidang pekerjaan. Mukhsin (1994) menjelaskan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai sendiri yang kukuh akan mengekalkan disiplin atau nilai yang baik walaupun berada di luar kawalan keluarga. Oleh itu, pelajar yang mudah terpengaruh mungkin terdiri dari pelajar yang tidak mempunyai nilai diri yang kukuh. Merujuk kepada teori yang diutarakan oleh Kohlberg, beberapa kajian perkembangan pemikiran moral yang berasaskan teori tersebut telah dijalankan dalam masyarakat Taiwan, Turki, Kenya, Nigeria dan Bahamas. Didapati bahawa dalam semua masyarakat ini, golongan remaja dan dewasanya mempunyai tahap pemikiran moral, pada tahap konvensional peringkat 3 dan 4 dan sebilangan kecil sahaja mempunyai tahap pemikiran lepas konvensional peringkat 5 dan 6. (Sufean, 1995). Kohlberg menyarankan bahawa tahap pemikiran lepas konvensional boleh dicapai sekiranya kanak-kanak dan remaja didedahkan kepada isu-isu moral dan keadaan-keadaan konflik yang memerlukan pemikiran dan pertimbangan rasional dari berbagai-bagai aspek seperti sosial, ekonomi, estetika dan fizikal, dan bukan hanya terbatas kepada aspek etika dan norma kelompok setempat. Bagi pelajar yang berusia 14 tahun terutamanya. Walaupun dikatakan lebih gemar berdamping dengan rakan sebaya tetapi sebagai individu yang dewasa ibu bapa perlu mengawal perlakuan dan pergaulan anak-anak supaya mereka tahu membezakan perlakuan yang diterima masyarakat atau tidak, seperti pendapat B.F. Skinner (1974) semua tingkah laku manusia adalah dikawal oleh alam sekitar. Ini bermakna nilai dalam diri seseorang itu telah dibentuk serta dikawal oleh alam sekitar, masyarakat dan budaya. Seseorang itu akan mempelajari tingkah laku yang telah ditetapkan atau diturunkan oleh budaya, agama, adat dan masyarakat.

Bagi guru, pemahaman tentang teori perkembangan pemikiran moral adalah merupakan faktor penting yang dapat menjamin penerimaan dan penerapan nilai oleh pelajar seganding dengan tahap perkembangan dan kematangan mereka. Dalam kajian ini, dengan mengetahui perkembangan pemikiran moral akan memberi ruang yang lebih luas kepada pengkaji untuk menerokai item nilai yang terdapat di dalam pengajaran pembelajaran moral. Untuk mempelajari sistem nilai yang ideal bukanlah sesuatu yang sukar di kalangan pelajar, guru serta masyarakat, tetapi untuk menghayati nilai dan menaakul menjadi sesuatu yang lengkap dalam diri individu itu menjadi sukar sehingga lahirnya individu yang tidak bermoral di dalam masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Populasi dan persampelan kajian

Pelajar tingkatan dua sekolah menengah harian biasa di seluruh Daerah Kemaman merupakan populasi bagi kajian ini. Terdapat empat buah sekolah yang telah dikenal pasti oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kemaman sebagai sekolah yang tinggi peratus salah laku pelajar dan menjadi fokus dalam kajian ini. Persampelan yang digunakan ialah persampelan *purposive* berstrata terdiri dari 350 orang pelajar lelaki dan perempuan berdasarkan status perlakuan mereka.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah dari Sufean (1995) yang telah diubahsuai mengandungi 8 sub-bidang yang terdiri dari intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan. Setiap sub-bidang berkenaan mempunyai lima item yang berkaitan dan setiap item pula mempunyai tiga opsyen. Bahagian 1 satunya mengandungi maklumat

demografi (status pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin) dan Bahagian 2 nya ialah pengukuran konstruk nilai dan dimensi nilai berkenaan.

Analisis data

Kaedah deskriptif digunakan untuk menentukan min dan peratusan pelajar lelaki dan perempuan, peratusan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin, peratusan bagi pelajar *ekstrovert-introvert*, peratusan bagi pelajar yang mempunyai tahap nilai yang berbeza. Ujian statistik korelasi, ujian-t, ANOVA dan khi kuasa dua telah digunakan untuk menjawab soalan kajian yang menghuraikan hubungan antara nilai dengan status pelajar, jantina dan SES

Soalan Kajian 1:

Apakah bentuk hubungan antara nilai dan dimensi nilai dengan personaliti pelajar ?

Korelasi pearson telah digunakan untuk melihat hubungan antara nilai dan personaliti pelajar dan mendapati korelasinya ialah $r = 0.11$ dengan $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara nilai dengan personaliti keseluruhan pelajar. Pelajar personaliti *ekstrovert* mempunyai nilai baik 240 (92%) berbanding pada tahap nilai sederhana iaitu 22 (8%). Bagi pelajar personaliti *introvert* pula yang berada pada nilai baik seramai 80 (91%) dan sederhana 8 (9%). Kedua-dua personaliti *ekstrovert* dan *introvert* berada pada tahap nilai baik dengan perbezaan yang kecil iaitu sebanyak 1% sahaja. Tidak ada pelajar yang menunjukkan tahap nilai lemah bagi dimensi nilai: intelek, agama dan kesihatan bagi pelajar ekstrovert dan introvert. Tahap nilai baik melebihi 50% bagi pelajar ekstrovert adalah dari dimensi nilai intelek, agama, sosial, moral dan kesihatan. Bagi pelajar introvert, tahap nilai dimensi baik melebihi 50% adalah dari intelektual, agama, moral dan kesihatan.

Jadual 1
Korelasi antara personaliti ekstrovert-introvert dengan dimensi nilai.

Dimensi nilai	r	Sig.
Intelek	0.02	0.73
Ekonomi	-0.07	0.18
Estetika	0.06	0.29
Agama	0.18	0.00**
Sosial	0.03	0.61
Moral	0.18	0.00**
Kesihatan	0.07	0.21
Kewarganegaraan	0.06	0.24

**p<0.01

Bagi dimensi nilai dengan personaliti hanya dua dimensi nilai sahaja yang mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan personaliti dimensi itu ialah agama ($r = 0.18$) dan moral ($r = 0.18$). Personaliti *ekstrovert-introvert* mempunyai hubungan penting di dalam menentukan tahap pegangan nilai agama dan moral pelajar.

Solan Kajian 2.

Adakah terdapat perbezaan antara personaliti dengan nilai dan dimensi nilai pada diri pelajar ?

Jadual 2

Keputusan ujian-t personaliti *ekstrovert* dan *introvert* dengan nilai.

Personaliti	N	Min	sp	dk	t	sig.
Ekstrovert	262	16.71	2.03	348	2.11	0.04*
Introvert	88	16.20	1.84			

* $p < 0.05$

Ujian-t yang telah dijalankan dan mendapati perbezaan yang signifikan di antara personaliti pelajar *ekstrovert-introvert* berdasarkan nilai, $t(348) = 2.11$, $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi personaliti *ekstrovert-introvert* ke atas nilai. Pelajar personaliti *ekstrovert* mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding pelajar personaliti *introvert*.

Perbezaan antara personaliti pelajar dengan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.

Jadual 3

Ujian-t ke atas personaliti *ekstrovert* dan *introvert* berdasarkan dimensi nilai.

Dimensi Nilai	Personaliti	N	Min	sp	Dk	t	sig.
Intelek	Ekstrovert	262	2.18	0.34	348	0.	0.73
	Introvert	88	2.16	0.36		3	
Ekonomi	Ekstrovert	262	1.68	0.30	348	1.	0.18
	Introvert	88	1.73	0.32		3	
Estetika	Ekstrovert	262	1.80	0.40	348	3.	0.00*
	Introvert	88	1.63	0.40		5	
Agama	Ekstrovert	262	2.31	0.50	348	0.	0.61
	Introvert	88	2.28	0.39		5	

	Introver						
Sosial	Ekstrov	262	2.14	0.44	348	3.	0.00
	ert	88	1.95	0.39		4	*
	Introver					8	
Moral	Ekstrov	262	2.23	0.43	348	1.	0.21
	ert	88	2.17	0.43		2	
	Introver					5	
Kesihatan	Ekstrov	262	2.30	0.37	348	1.	0.24
	ert	88	2.25	0.38		1	
	Introver					7	
Kewarganegaraan	Ekstrov	262	2.08	0.36	348	1.	0.29
	ert	88	2.03	0.4		0	
	Introver					6	

* $p < 0.05$.

Ujian-t telah digunakan untuk menentukan perbezaan di antara personaliti *ekstrovert-introvert* berdasarkan dimensi nilai. Terdapat dua dimensi nilai sahaja yang signifikan; estetika $t(348) = 3.50$ $p < 0.01$ dan sosial $t(348) = 3.48$, $p < 0.01$. Ini menunjukkan bagi nilai estetika dan sosial, pelajar *ekstrovert* menunjukkan tahap dimensi nilai yang lebih tinggi berbanding pelajar *introvert*.

Soalan Kajian 3:

Adakah terdapat perbezaan antara pelajar berdisiplin dengan pelajar tidak berdisiplin dengan nilai dan dimensi nilai ?

Secara umumnya pelajar berdisiplin mempunyai tahap dimensi nilai yang lebih baik bagi kesemua dimensi nilai berbanding pelajar tidak berdisiplin; intelek (71%), ekonomi (11%), estetika (16%), agama (70%), sosial (55%), moral (73%), kesihatan (78%) dan kewarganegaraan (49%). Terdapat lima dimensi nilai yang mempunyai tahap lemah bagi pelajar tidak berdisiplin iaitu ekonomi (2%), estetika (3%), sosial (1%), moral (1%) dan kesihatan (1%).

Perbezaan perlakuan pelajar disiplin dan tidak disiplin dengan nilai dan dimensi nilai.

Jadual 5

Ujian-t pelajar disiplin dan tidak disiplin dengan nilai.

Status pelajar	N	Min	Sp	dk	t	sig.
Berdisiplin	176	16.89	1.89	348	2.89	0.00*
Tidak Berdisiplin	174	16.28	2.05			

* $p < 0.05$.

Ujian-t telah digunakan untuk menguji perbezaan di antara pelajar disiplin dan tidak disiplin berdasarkan nilai. Jadual 6 dan mendapati pelajar disiplin dan tidak disiplin dengan nilai

adalah signifikan dengan $t(348) = 2.89, p < 0.05$. Ini menunjukkan nilai min keseluruhan pelajar disiplin lebih baik berbanding pelajar tidak berdisiplin. Apabila nilai dikategorikan dan kemudiannya di hubungkaitkan dengan status pelajar, mendapati satu perhubungan yang kuat antara status pelajar dengan perlakuan pelajar dimana $\chi^2 (df=1) = 5.401, p < 0.05$. Ujian t yang telah digunakan untuk menganalisis perbezaan perlakuan antara pelajar disiplin dan tidak berdisiplin berdasarkan 8 dimensi nilai mendapati hanya dua sahaja yang tidak signifikan iaitu dimensi agama $t(348) = 0.65$ dan dimensi kewarganegaraan nilai $t(348) = 1.34, p > 0.05$.

Soalan Kajian 4:

Adakah wujud perbezaan nilai dan dimensi nilai dengan jantina pelajar ?

Kajian mendapati peratusan pelajar lelaki (93%) dan perempuan (90%) mempunyai tahap nilai yang baik adalah tinggi. Pelajar lelaki mempunyai tahap nilai yang lebih baik berbanding dengan pelajar perempuan.

Perbezaan nilai pelajar mengikut jantina.

Jadual 10

Ujian-t pelajar lelaki dan perempuan dengan nilai.

Jantina	N	Min	Sp	dk	t	sig.
Lelaki	175	16.59	2.04	48	0.11	0.99
Perempuan	175	16.58	1.95			

$p > 0.05$

Analisis berdasarkan ujian-t menunjukkan perbezaan nilai di kalangan pelajar lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan nilai $t(348) = 0.11, p > 0.05$. Ini bermakna pelajar lelaki mempunyai pegangan nilai yang sama Keadaan ini status strusnya yang ditentukan melabehi ujian khi kuasa dua untuk melihat pergantungan nilai dengan jantina dan mendapati tidak terdapat sebar pergantungan nilai dengan jantina dimana $\chi^2 (1) = 1.32, p > 0.05$

Perbezaan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan mengikut jantina.

Jadual 11

Keputusan Ujian-t pelajar lelaki dan perempuan dengan dimensi nilai.

Dimensi Nilai	Jantina	N	Min	sp	dk	t	sig.
Intelek	Lelaki	175	2.17	0.36	348	-0.31	0.76
	Perempuan	175	2.18	0.34			
Ekonomi	Lelaki	175	1.71	0.33	348	0.97	0.33
	Perempuan	175	1.68	0.28			
Estetika	Lelaki	175	1.78	0.43	348	1.08	0.28
	Perempuan	175	1.73	0.38			
Agama	Lelaki	175	2.31	0.41	348	0.49	0.62
	Perempuan	175	2.29	0.53			
Sosial	Lelaki	175	2.10	0.43	348	0.37	0.71
	Perempuan	175	2.08	0.43			

Moral	Lelaki	175	2.15	0.44	348	-2.79	0.01
	Perempuan	175	2.28	0.41			
Kesihatan	Lelaki	175	2.29	0.37	348	-0.17	0.86
	Perempuan	175	2.29	0.38			
Kewarganegaraan	Lelaki	175	2.08	3.92	348	0.66	0.51
	Perempuan	175	2.05	3.47			

* $p < 0.05$

Ujian-t juga telah digunakan untuk mengkaji perbezaan dimensi nilai pelajar lelaki dan perempuan dan mendapati hanya dimensi nilai moral sahaja menunjukkan signifikan iaitu $t(348) = -2.79, p < 0.05$.

Soalan Kajian 5: Adakah wujud perbezaan antara nilai dan dimensi nilai pelajar dengan SES pelajar ?

Pelajar yang terdiri daripada keluarga S.E.S rendah ternyata mempunyai tahap nilai yang lebih baik berbanding keluarga yang S.E.S tinggi dan sederhana. Ini dapat dilihat melalui tahap nilai baik pelajar S.E.S rendah 260 (92%), sederhana 52 (88%) dan tinggi 8 (80%). Kajian ini juga mendapati pada umumnya pelajar yang terdiri daripada latar belakang SES rendah menunjukkan tahap nilai yang lebih baik berbanding pelajar SES sederhana dan tinggi terutamanya pada tahap dimensi nilai baik. Namun demikian apabila ujian pergantungan dijalankan mendapati $\chi^2(2) = 2.915, p > 0.05$ yang menunjukkan tidak terdapat pergantungan antara nilai dengan SES pelajar berkenaan.

Perbezaan nilai di kalangan pelajar berdasarkan S.E.S

Jadual 13

Ujian ANOVA sehalu, Nilai dengan S.E.S pelajar.

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Min Kuasa Dua	dk	F	Sig.
Antara kumpulan	18.61	9.30	2	2.36	0.10
Dalam Kumpulan	1368.74	3.95	347		
Jumlah	1387.35	2.16	349		

$p > 0.05$

Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menguji perbezaan nilai di kalangan pelajar yang mempunyai status sosioekonomi yang berbeza. Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara S.E.S rendah, sederhana dan tinggi dengan min nilai keseluruhan pelajar, $F(2,347) = 2.36, p > 0.05$. Ujian ANOVA sehalu telah digunakan untuk mengukur perbezaan dimensi nilai di kalangan pelajar berdasarkan status sosioekonomi. Hanya dimensi nilai kewarganegaraan sahaja yang menunjukkan keputusan signifikan $F(2,347) = 4, p < 0.05$. Ujian Post Hoc Tukey kemudiannya dilakukan dan mendapati S.E.S rendah ($M = 2.09, SP = 0.38$) adalah signifikan dengan S.E.S. tinggi ($M = 1.80, SP = 0.40$). Pelajar yang terdiri daripada latar belakang S.E.S yang rendah menunjukkan skor min lebih tinggi berbanding pelajar S.E.S sederhana dan tinggi.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN:

Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati personaliti *ekstrovert-introvert* mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai dimana personaliti mempunyai prngantungan yagn kuat dengan tahap nilai keseluruhan pelajar sama ada berada pada tahap nilai yang baik, sederhana mahupun lemah. Dapatan kajian menunjukkan hanya dimensi nilai agama dan moral sahaja mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan personaliti. Kajian ini menjelaskan bahawa personaliti bukan merupakan faktor utama yang menjadikan seseorang pelajar berdisiplin atau tidak, banyak faktor lain yang mempunyai hubungan dengan tingkah laku berdisiplin atau tidak berdisiplin pelajar antaranya faktor diri pelajar sendiri, ibu bapa, sekolah, rakan sebaya dan masyarakat. Faktor personaliti *ekstrovert-introvert* bukanlah merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi pelajar menjadi seorang yang berdisiplin atau tidak, jika mereka tidak mempunyai kekuatan diri yang kental, maka mudahlah mereka untuk mengikut arus dan terpengaruh dengan pelbagai pendedahan negatif yang mereka lihat di hadapan mata mereka. Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhan terdapat perbezaan nilai yang signifikan di antara pelajar personaliti *ekstrovert-introvert*. Pelajar *ekstrovert* menunjukkan tahap nilai keseluruhan yang lebih tinggi. Ini disebabkan oleh ciri-ciri dan sifat personaliti mereka yang semulajadi seperti suka bersosial, bercakap, berani, responsif dan mudah meluahkan perasaan. Ciri-ciri ini dapat meningkatkan nilai keseluruhan diri pelajar.

Berbeza dengan pelajar *introvert* yang lebih pendiam, segan, tidak suka bersosial dan sukar mengekspresikan dirinya kepada orang lain. Ini mendorong kepada pengasingan diri dan takut untuk berinteraksi dan bergaul dengan orang ramai menyebabkan keseluruhan tahap nilai di dalam diri mereka juga lemah. Hanya nilai estetika dan sosial sahaja menunjukkan perbezaan yang signifikan. Kedua-dua dimensi nilai ini menunjukkan personaliti *ekstrovert* mempunyai tahap nilai estetika dan sosial yang lebih baik berbanding personaliti *introvert*, iaitu skor min nilai ekestetika dan skor min nilai sosial. Trait personaliti yang berbeza antara pelajar *ekstrovert-introvert* menjadikan mereka mempunyai tahap nilai yang berbeza di dalam dua dimensi nilai iaitu estetika dan sosial tetapi tidak mempunyai perbezaan terhadap enam dimensi nilai yang lain iaitu nilai intelek, ekonomi, agama, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.

Secara keseluruhannya pelajar berdisiplin mempunyai nilai yang lebih baik berbanding pelajar tidak berdisiplin. Kajian ini juga mendapati hanya dua dimensi nilai sahaja yang tidak signifikan iaitu nilai agama dan kewarganegaraan. Kedua-dua nilai ini menunjukkan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin mempunyai tahap nilai yang tidak berbeza. Ketaatan kepada agama dan negara sememangnya telah disemai utuh di jiwa anak-anak semenjak kecil lagi. Memandangkan asuhan, didikan dan kesedaran daripada masyarakat sendiri menjadikan remaja yang berusia 14 tahun, walaupun mempunyai masalah disiplin di sekolah tetapi mereka masih tahu mengamalkan nilai-nilai agama sama ada secara sukarela di hati mahupun paksaan daripada ibu bapa ataupun guru, umpamanya di empat buah sekolah yang penyelidik jalankan kajian. Faktor jantina tidak mempunyai pertalian sama ada seseorang itu mempunyai nilai yang baik atau tidak. Sebagaimana yang dijelaskan, nilai itu sendiri perlu dipelajari dan diamalkan. Kelahiran anak tidak kira perempuan atau lelaki tetapi jika diasuh dengan baik oleh ibu bapa dan mendapat didikan dalam persekitaran yang sihat sudah pasti tahap perkembangan anak-anak tersebut akan baik. Selain daripada nilai keseluruhan, kajian ini juga turut melihat tahap dimensi nilai di kalangan pelajar. Daripada lapan dimensi nilai yang dikaji hanya nilai moral yang signifikan dengan jantina pelajar. Tujuh dimensi nilai yang lain iaitu intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, kesihatan dan kewarganegaraan menunjukkan tidak signifikan dengan jantina pelajar lelaki dan perempuan.

Hasil daripada kajian yang dijalankan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor nilai di kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah, sederhana dan tinggi. Nilai kewarganegaraan menunjukkan tahap nilai yang berbeza di antara S.E.S rendah, sederhana dan tinggi. Peratusan menunjukkan pelajar yang terdiri daripada status sosioekonomi rendah ternyata mempunyai tahap nilai kewarganegaraan yang lebih baik berbanding pelajar S.E.S sederhana dan tinggi. Bagi dimensi nilai yang lain seperti intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral dan kesihatan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan S.E.S.

RUJUKAN

- Asmah Bee, M. N. & Iran Herman (1989). Perbezaan Sistem Nilai: Kajian perbandingan di kalangan pelajar remaja Amerika dan Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 5, 81-92.
- Chuah, T.I. (1989). *Attitudes towards environmental issues in the context of the moral development of std 6 pupils*. M.Ed. thesis, University of Malaya.
- Kerckhoff, A.C. (1972). *Socialization and social class*. New York: Prentice Hall.
- Leon, M., ‘ Rules mothers and sons use to integrate intent and damage information in their moral judgement’, dlm. *Child Development*, Bil. 55, 1984.
- Mok Soon Sang (1992). *Pedagogi 2, strategi pengajaran pembelajaran: Pengajaran mikro, persediaan untuk pengajaran praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Musgrave, P.W. (1978). *The Moral Curriculum: A Sociological Analysis*. London: Mathuen.
- Rescher, N. (1969). *Introduction to value theory*,. New Jersey: Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs.
- Rokeach, M. (1973). *The nature of human values*. New York: The Free Press.
- Schleifer, M. dan Douglas, V.I., ‘Effects on training on the moral judgement of young children, dlm. *Journal of Personality and Social Psychology*, Bil. 28, 1973.
- Sheikh Mokhsin, A. (1994). Masalah remaja dari perspektif persekolahan wawasan. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Skinner, B. F.(1974). *About Behaviourism*. New York: Knopf.
- Sufean Hussin (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*. (Edisi Kedua). Selangor:Laser Press Sdn. Bhd.
- Tam Yeow Kwai.(1996). *Pendidikan Moral 1: Konsep dan Program Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd..
- Zeidner, M. & Nevo, B. (1987). *The cross-cultural generalizability of moral reasoning research: Some Israeli data*. *International Journal of Psychology*, 22 (3) 315-330.